

13/07/2001

UMS tawar lebih banyak peluang pendidikan

Norisah Masrin

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) berjaya menyediakan lebih banyak peluang pendidikan kepada pelajar Sabah yang sebelum ini terhalang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi kerana faktor kewangan dan masalah keluarga.

Meskipun tawaran melanjutkan pengajian dari universiti di Semenanjung atau Sarawak diberikan, masalah kewangan dihadapi terutama oleh masyarakat berpendapatan rendah menyebabkan golongan itu tidak berkemampuan membiayai perbelanjaan anak mereka.

Senario itu mempengaruhi serta boleh membantutkan perkembangan pendidikan generasi muda negeri yang terkenal dengan jolokan Negeri di Bawah Bayu itu jika tiada langkah bijak bagi menanganinya.

Selain faktor itu, perasaan kurang yakin keluarga menghantar anak mereka menuntut ilmu di luar Sabah turut menjadi penghalang, bagaimanapun halangan berkenaan kini dapat diatasi kerana peluang sudah ada di bumi sendiri.

UMS ditubuhkan pada 24 November 1994 dan membuka sesi pengajian pertama pada 1995/96 peringkat awal hanya menawarkan tiga program pengajian menerusi Sekolah Sains Sosial, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi serta Sekolah Sains dan Teknologi.

Upacara pecah tanah kampus induk di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 28 November 1995 dan mula digunakan pada 1999.

Seramai 207 pelajar perintis mendaftar pada sesi pengajian 1995/96 dan menamatkan pengajian pada 1999, manakala bagi sesi pengajian 1996/97 seramai 444 ditawarkan.

Pada sesi berkenaan universiti itu menambah dua sekolah iaitu Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial serta Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat.

Manakala pada sesi ketiga UMS menambah dua lagi sekolah iaitu Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan serta Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial.

Sebelum ini, kampus sementara terletak di Kampus Jalan Tuaran dan Kampus Teluk Likas serta pejabat pentadbiran terletak di Gaya Centre Kota Kinabalu.

Kini, masyarakat negeri itu boleh berbangga kerana kampus induk yang tersergam indah serta dianggap antara tercantik di rantau Asia Tenggara di kawasan seluas 399.6 hektar di Teluk Sepanggar sudah mula beroperasi.

Jumlah sekolah juga dipertingkat kepada 11 buah termasuk dua sekolahnya di Kampus Antarabangsa Labuan, selain sebuah Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa di kampus induk.

Melaksanakan misi mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu ke arah kemasyhuran di peringkat antarabangsa menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan serta khidmat masyarakat menjadi pegangan pentadbir dan kakitangannya.

Mereka juga berusaha mewujudkan keseimbangan pengkhususan ilmu dan keperibadian pelajar bagi menghasilkan produktiviti dan kualiti tinggi dalam konteks persekitaran dan aspirasi pembangunan masyarakat dan negara.

Dalam usia ibarat 'setahun jagung' universiti berkenaan berjaya melahirkan 640 graduan peringkat Sarjana Muda, Sarjana (enam) dan kedoktoran (PhD) (dua) sempena konvokesyen pertamanya pada 1999.

Pada konvokesyen kedua (2000), seramai 732 graduan memperoleh Sarjana Muda; Sarjana (tiga) dan PhD (seorang) dengan jumlah keseluruhan graduan

setakat ini seramai 1,403 orang sejak penubuhannya.

Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosialnya, Prof Dr Ahmad Zaidi Johari berkata, perkembangan pendidikan di negeri itu kini terbuka luas kerana masyarakatnya diberikan banyak pendedahan positif berkaitan pendidikan terutama di tempat sendiri.

Katanya, bilangan pelajar negeri itu mengikuti pengajian di universiti berkenaan diyakini mampu melahirkan ramai ahli akademik pada masa hadapan, sekali gus ilmu dan pengalaman mereka boleh membantu generasi akan datang mempertingkatkan tahap pendidikan.

Beliau berkata, universiti itu sudah mengorak langkah memantapkan pencapaian akademik selain membina jati diri pelajar menjadi generasi pelapis berdaya saing dalam era globalisasi dan liberalisasi.

"Penekanan mencapai kecemerlangan akademik bertaraf antarabangsa dalam program pelbagai bidang seperti sains, teknologi, kejuruteraan, perniagaan, ekonomi, politik dan sains sosial antara objektif kami.

"Kini, peluang melanjutkan pengajian bukan hanya terbuka luas kepada lepasan sekolah menengah yang berkelayakan sebaliknya turut menyediakan peluang kepada kakitangan kerajaan dan swasta mempertingkatkan akademik menerusi pendidikan jarak jauh.

"Mereka berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah, sarjana dan PhD dalam beberapa bidang seperti pendidikan. Oleh itu, peluang pendidik menimba ilmu akan membantu proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan," katanya di Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Dr Zaidi berkata, aktiviti pendidikan bukan hanya dilaksanakan di kampus semata-mata tetapi sudah dikembangkan melalui kegiatan pelajar bersama masyarakat setempat seperti program bakti siswa dan penyelidikan yang dibuat ahli akademik.

Sehubungan itu, antara hasil penyelidikan diterbitkan seperti buku bertajuk 'Menuju Kejayaan' hasil karya Dr Zaidi.

Beliau berkata, langkah itu bagi mencapai objektif menerokai, memelihara dan memanfaatkan ilmu dengan berkesan untuk pembangunan masyarakat dan negara selaras dengan 'etos' universiti dan negara.

(END)